

**STRATEGI KE ARAH MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN  
PERINDUSTRIAN DI KAWASAN BANDAR-BANDAR BARU  
*KAJIAN KES: BANDAR-BANDAR BARU WILAYAH KETENGAH***

**MOHAMAD HUSSAINI BIN HARUN**

**Tesis ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**NOVEMBER, 2005**

## **ABSTRAK**

Sektor perindustrian adalah merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara dan wilayah khususnya. Akan tetapi, perkembangan perindustrian di kawasan bandar-bandar baru di wilayah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) menunjukkan kemerosotan dan keadaan ini akan memberikan kesan yang negatif kepada pertumbuhan ekonomi wilayah. Kemerosotan sektor perindustrian ini disebabkan oleh beberapa masalah seperti masalah kekurangan infrastruktur, bahan mentah dan tenaga mahir, masalah bayaran premium yang tinggi dan sebagainya. Oleh yang sedemikian, matlamat penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti faktor wujudnya masalah dan seterusnya mencadangkan strategi ke arah memantapkan pembangunan perindustrian di bandar-bandar baru wilayah KETENGAH. Di samping itu juga, penyelidikan ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu peringkat pemahaman awal, peringkat kajian teorikal, peringkat pengumpulan data dan maklumat, peringkat analisis dan yang akhir sekali ialah peringkat cadangan strategi pembangunan. Berdasarkan analisis semasa dan keberkesanan strategi, terdapat pelbagai aspek yang perlu diperbaiki khususnya untuk memantapkan perindustrian di wilayah KETENGAH antaranya ialah aspek kemudahan, tapak industri, bahan mentah dan sebagainya. Oleh itu, penemuan analisis ini penting untuk membantu dalam mewujudkan strategi bagi memantapkan perindustrian di wilayah KETENGAH. Antara strategi yang diwujudkan ialah strategi pembangunan kluster industri, strategi pembangunan IKS yang berdaya saing, strategi meningkatkan kemahiran pekerja, strategi memantapkan kemudahan prasarana dan sebagainya. Secara kesimpulanya, strategi yang dibentuk ini memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak untuk melaksanakannya secara berkesan ke arah memantapkan pembangunan perindustrian di bandar-bandar baru wilayah KETENGAH.

## **ABSTRACT**

Industrial activity is one of the major sector that contributes on economic development to the country and district as well. However, industrial development in new urban areas in Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) region shows deterioration and this phenomenon brings negative impact to the district economic development. This situation arises for the cause of inadequate infrastructure, raw materials and experienced workers, high premium value and etc. Therefore, the purpose of this study is to overcome these problems as well to list down strategies towards stabilizing industrial development in new urban areas in KETENGAH. This study was divided into 5 stages, which are Preliminary Study, Theoretical Study, Data Collection and Information Gathering, Analysis Stage, and finally Development Strategy Proposal Stage. Based on current analysis and strategy efficiencies, there are several aspects need to be improved especially to stabilize industrial development in KETENGAH such as facilities, location, raw materials and etc. Therefore, the study findings are very important to assist strategy making in the final chapter to steadily maintain industrial development in KETENGAH. Amongst strategies formed is Cluster Industry Development Strategy, Competitive IKS Development Strategy, Worker Skill Improvement Strategy, Infrastructure Stabilizing Strategy and etc. It is believed that, all the strategies formed in this study requires collaboration amongst every person and organization involved, and together to implement the strategies effectively towards stabilizing industrial development in new urban areas in KETENGAH.